

Syor wajibkan pengantin diuji HIV/Aids dibantah

BH 29 AUG 2000

KUALA LUMPUR. Isnin – Majlis Aids Malaysia (MAM) akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan Johor berhubung cadangan negeri itu mewajibkan ujian HIV/Aids kepada bakal pengantin lelaki.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir berkata, perbincangan itu perlu kerana MAM berpendapat cadangan berkenaan tidak berkesan dalam mencegah penyakit itu, sebaliknya boleh mendatangkan kesan buruk.

“Saya faham tujuan Johor mengadakan peraturan itu adalah untuk melindungi wanita dari dijangkiti virus berkenaan, tetapi cara ini memang sudah

terbukti tidak berkesan,” katanya kepada pemberita selepas menjadi panel Forum Umum bertajuk “Gender, Seksualiti dan HIV/Aids” anjuran MAM di sini, hari ini.

Marina memberi contoh, di Iowa, Amerika Syarikat, jumlah pasangan yang mendaftar perkahwinan mereka jatuh kepada 22 peratus kerana ramai yang kahwin di tempat lain atau memutuskan untuk tidak mendaftar terus.

Ditanya pemberita sama ada isu itu akan dibawa ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam), Marina berkata: “Ya, ia boleh dibawa ke Suhakam tetapi banyak lagi isu yang berkaitan HIV/

Aids boleh dibawa ke suruhanjaya itu terutama ujian mandatori ke atas penagih dadah dan banduan.”

Sabtu lalu, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman mengumumkan lelaki Islam yang ingin berkahwin mungkin diperlukan mengambil ujian darah bagi membuktikan mereka bebas dari HIV.

Abdul Ghani berkata, sekiranya ia dilaksanakan, peraturan itu bukan sahaja ditujukan kepada masyarakat negeri itu tetapi mereka dari negeri lain yang ingin berkahwin dengan pasangan dari Johor dan ingin berkahwin di sana.

Sementara itu, seorang lagi panel, Presiden Pusat Kajian Antarabangsa Mengenai Wanita (ICRW) dari Washington, Dr Geeta Rao Gupta, berkata kajian dan pengalaman negara lain yang menegenakan peraturan itu mendapati tindakan berkenaan hanya menakutkan masyarakat.

“Bukan itu sahaja, mereka yang terpaksa melalui ujian ini juga mungkin menipu darah mereka hanya kerana takut dikatakan positif HIV,” katanya.

Sebelum itu, ketika menjawab soalan dari peserta forum, Dr Geeta berkata, pihak berkuasa sepatutnya memikirkan kesan selepas ujian itu dilaksanakan.

“Sekiranya seseorang didapati positif HIV daripada ujian berkenaan: apa langkah seterusnya yang akan diambil kepada mangsa itu? Percayalah... ujian ini memang terbukti mempunyai lebih banyak keburukan dari kebajikannya,” katanya.

Lebih 400 wakil dari pelbagai organisasi dan badan bukan kerajaan (NGO) menghadiri forum itu yang diadakan sempena sambutan Hari Wanita 2000.

Selain Dr Geeta dan Marina, Prof Madya Dr Rashidah Shuib dari Universiti Sains Malaysia (USM) cawangan Kota Bharu, juga menjadi ahli panel forum itu.